



KI 2

PEMBENTUKAN MASYARAKAT BERPENDIDIKAN YANG BERDAYA SAING SECARA MENYELURUH

*(The Emergence of Comprehensive
Educated and Competitive Society)*

Pembangunan modal insan meliputi usaha memperkasa individu melalui perancangan dan pembangunan fizikal, alam sekitar dan sosioekonomi.

Penduduk merupakan satu aset yang mampu menjana pertumbuhan negara secara mampan dengan fokus utama yang perlu diberi perhatian adalah pendidikan / pengetahuan dan kemahiran yang dapat melahirkan tenaga kerja pelbagai bidang dalam meningkatkan taraf hidup dan sosio ekonomi semasa. Oleh itu, perancangan spatial perlu menitikberatkan akses penduduk kepada kemudahan pendidikan dan latihan kemahiran bagi membina masyarakat yang berpendidikan dan berdaya saing.


Pembangunan modal insan ke arah minda kelas pertama akan meliputi masyarakat berpengetahuan, mampu berdaya saing, berbudaya kerja cemerlang dan dilengkapi dengan kekuatan moral. Usaha pembangunan insan merupakan agenda jangka panjang dan memerlukan usaha serta komitmen daripada pelbagai peringkat.

Strategi melahirkan masyarakat berpendidikan yang berdaya saing dapat menyumbang ke arah peningkatan tenaga kerja mahir dan masyarakat berpendidikan tinggi. Secara tidak langsung, ia memacu kepada perkembangan produktiviti negara untuk membangun secara mampan dengan melahirkan Masyarakat Perbelajar yang akan meliputi:

1. Pemupukan budaya keilmuan dalam kalangan masyarakat.
2. Penglibatan aktif masyarakat dalam perundingan untuk menggubal dasar dan merancang pembangunan.
3. Pembangunan generasi pekerja berkemahiran tinggi berdasarkan keperluan industri masa hadapan.
4. Peningkatan pertukaran teknologi dan kejuruteraan berbalik dalam sektor pembuatan.
5. Pengukuhan dasar harta intelek bagi meningkatkan pembangunan harta intelek tempatan.

Sumber: Wawasan Kemakmuran Bersama, 2030

Perubahan ke arah kualiti hidup yang sempurna juga menekankan pendidikan sebagai salah satu faktor untuk mengubah kehidupan. Pembangunan insan dalam konteks perancangan spatial akan melihat kepada keperluan mewujudkan persekitaran yang kondusif dalam memajukan pembangunan insan khususnya dalam aspek kemudahan pendidikan dan kemahiran, terutamanya dari segi lokasi institusi pendidikan, kemudahan sokongan, aksesibiliti dan keselamatan.



HALA TUJU STRATEGIK KI 2

PEMBENTUKAN MASYARAKAT BERPENDIDIKAN YANG BERDAYA SAING SECARA MENYELURUH

KI 2.1

Menyediakan Kemudahan Pendidikan Asas Kepada setiap Lapisan Masyarakat di seluruh Negara

KI 2.2

Memperkasakan Masyarakat Mahir dan Berpendidikan Tinggi Menerusi Institusi Pendidikan yang Bersepadu

STRATEGI KI 2.1

MENYEDIAKAN KEMUDAHAN PENDIDIKAN ASAS KEPADA SETIAP LAPISAN MASYARAKAT DI SELURUH NEGARA



PERKAITAN SDGS

>SDG3 >SDG4
>SDG9 >SDG11

Strategi menyediakan kemudahan pendidikan asas adalah untuk memastikan kemudahan pendidikan disediakan secukupnya kepada semua lapisan masyarakat secara menyeluruh termasuk di kawasan luar bandar.

Penyediaan kemudahan pendidikan yang mencukupi ini dapat memberi peluang kepada setiap penduduk untuk mempunyai keupayaan dan penguasaan ilmu pengetahuan tanpa mengira taraf ekonomi, umur, etnik dan latar belakang.

Pendidikan berkualiti yang diperolehi membolehkan mereka mencapai potensi masing-masing ke tahap yang optimum. Maka, akses kepada pendidikan secara fizikal merupakan aspek utama yang perlu diberi perhatian dalam perancangan spatial di peringkat negara.

Rajah 6-3 menunjukkan status penyediaan kemudahan pendidikan sedia ada di Malaysia. Sehingga tahun 2019, sebanyak 7,772 sekolah rendah, 2,436 sekolah menengah dan 25 Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) telah disediakan di seluruh negara.



Rajah 6-3: Bilangan Kemudahan Pendidikan Semasa

Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019

Tiga (3) golongan utama yang berhadapan cabaran dalam mendapatkan akses kepada pendidikan dan membawa kepada isu keciran adalah seperti berikut:

- Golongan B40;** sering dikaitkan sebagai 'miskin bandar' yang sentiasa berhadapan dengan cabaran untuk mendapatkan taraf kehidupan yang baik.
- Orang Kelainan Upaya (OKU);** tahap penyediaan masih lagi rendah bagi kelas pendidikan khas dan tenaga pengajar berkemahiran terutamanya bagi OKU masalah pembelajaran contohnya seperti sekolah pendidikan khas untuk anak autisme yang hanya tertumpu di sekolah-sekolah kawasan bandar.
- Orang Asal;** faktor geografi dan budaya di mana kecenderungan mendiami kawasan pedalaman menyukarkan akses kepada kemudahan pendidikan.

Justeru, RFN4 telah menggariskan tindakan cadangan penyediaan kemudahan pendidikan yang berkualiti bagi semua golongan masyarakat serta pendidikan khas untuk OKU, ke arah mewujudkan masyarakat berpendidikan agar tiga (3) golongan tersebut tidak terus ketinggalan dalam mendapatkan pendidikan.

Peningkatan penduduk bandar menjelang tahun 2040 memerlukan tindakan dan langkah pelaksanaan yang memberi keutamaan kepada akses pendidikan bagi golongan B40. Manakala cadangan penyediaan sekolah khas bagi OKU autisme, penyelarasannya diperlukan mengikut kawasan bagi memenuhi keperluan golongan OKU autisme yang semakin meningkat.

Penyediaan infrastruktur sokongan seperti jalan dan kemudahan pengangkutan untuk kegunaan pelajar ke sekolah perlu dinaiktaraf bagi meningkatkan kemudahsampaian pelajar untuk ke sekolah.

TINDAKAN KI 2.1A

Memastikan setiap institusi pendidikan asas mempunyai kebolehcapaian fizikal dan maya (virtual) yang menyeluruh

Pendidikan asas meliputi pra sekolah, sekolah rendah dan menengah rendah perlu dinikmati oleh semua golongan pelajar tanpa sebarang kompromi.

Dalam konteks perancangan spatial, tindakan ini bertujuan memastikan tiada lagi isu kecinciran pendidikan di kalangan pelajar, termasuk golongan orang asal di negara ini menerusi penyediaan sekolah yang mencukupi dengan aksesibiliti yang baik.

Oleh itu, langkah pelaksanaan yang bersepadu perlu dilaksanakan dan bukan hanya melibatkan pembangunan kemudahan pendidikan asas, tetapi juga penyediaan prasarana awam bagi memastikan kemudahan pendidikan dapat diakses dengan mudah oleh semua golongan pelajar sama ada pembelajaran secara fizikal maupun secara maya.

Kebanyakan guru dan murid telah didedahkan sesi pembelajaran melalui dalam talian menerusi program Pelantar Pembelajaran Digital yang diperkenalkan di sekolah-sekolah seluruh negara. Bagi memastikan pembelajaran secara dalam talian dapat dicapai sepenuhnya kemudahan infrastruktur iaitu peralatan komputer dan capaian internet perlu dititiberatkan.

Bagi memastikan capaian fizikal dan maya yang menyeluruh untuk kemudahan pendidikan asas di kawasan bandar dan luar bandar, langkah-langkah berikut perlu dilaksanakan:

1. Mengenalpasti lokasi kemudahan sekolah yang mempunyai tahap kemudahsampaian tinggi berdasarkan zon gunatanah dalam rancangan tempatan.
2. Pembinaan dan pembangunan sekolah baru perlu diintegrasikan dengan kemudahan telekomunikasi.
3. Meningkatkan kolaborasi antara Kementerian Pendidikan Malaysia dengan Kerajaan Negeri dan PBT mengenai cadangan tapak yang diluluskan bagi mendapatkan peruntukan kewangan untuk dilaksanakan.



Pendidikan di sekolah berdasarkan digital teknologi.

AGENSI BERKEPENTINGAN

Agensi Utama

- Jabatan Pendidikan Negeri
- Pihak Berkuasa Negeri
- Pihak Berkuasa Tempatan
- Pejabat Pembangunan Negeri

Agensi Sokongan

- Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)
- Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB)
- Jabatan Kerja Raya

TINDAKAN KI 2.1B

Merancang penyediaan tapak sekolah pendidikan khas untuk golongan OKU di kawasan yang memerlukan

Penyediaan sekolah pendidikan khas adalah tempat pembelajaran bagi memenuhi keperluan pendidikan murid dengan keperluan khas.

Penyediaan sekolah pendidikan khas untuk golongan orang kelainan upaya (OKU) dapat membantu sistem pendidikan dilaksanakan secara teratur dan berkesan bagi membantu murid mencapai tahap berdikari yang tinggi.

Pada masa kini, terdapat beberapa sekolah pendidikan khas dan sekolah sedia ada yang menyediakan kemudahan bagi kelas pendidikan khas di seluruh negara.

Namun, penyediaan sekolah yang menyediakan kemudahan bagi murid berkeperluan khas terutama autisme masih di tahap yang rendah di seluruh negara.

Kepentingan sekolah ini adalah untuk mendidik dan membentuk murid melalui perkembangan mental, kestabilan emosi dan integrasi sosial.

Pematuhan garis panduan atau piawaian oleh jabatan berkaitan merupakan intervensi awal dalam pelaksanaan tindakan ini.

Langkah-langkah lain yang boleh dilaksanakan adalah:

1. Kajian terperinci berkaitan garis panduan penyediaan sekolah pendidikan khas termasuklah masalah pembelajaran (autisme) dan juga pelbagai jenis kelainan upaya yang lain perlu disediakan supaya dapat dijadikan rujukan dan panduan oleh pihak berkaitan.

FAKTA RINGKAS**Kategori Murid Berkeperluan Khas**

Murid yang diperakukan oleh pengalaman perubatan dalam 7 kategori Orang Kurang Upaya (OKU):-

- Kurang Upaya Pendengaran;
- Kurang Upaya Penglihatan;
- Kurang Upaya Pertuturan;
- Kurang Upaya Fizikal;
- Masalah Pembelajaran;
- Kurang Upaya Mental dan;
- Pelbagai (Multiple Disabilities).

Sumber: Garis Panduan Pendaftaran OKU, 2014



2. Menyelaraskan maklumat bilangan murid dan jenis OKU berdasarkan data e-Kasih sebagai asas kepada penyediaan tapak sekolah pendidikan khas untuk golongan terbabit supaya dapat disediakan dengan mencukupi di lokasi-lokasi yang strategik.
3. Melaksanakan perancangan tapak dengan mengambil kira keperluan fasiliti atau teknologi bersesuaian.

AGENSI BERKEPENTINGAN**Agenси Utama**

- Jabatan Kebajikan Masyarakat
- Jabatan Pendidikan Negeri
- PLANMalaysia

Agenси Sokongan

- Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)
- Pihak Berkuastra Tempatan

**STRATEGI
KI 2.2**

MEMPERKASAKAN MASYARAKAT MAHIR DAN BERPENDIDIKAN TINGGI MENERUSI INSTITUSI PENDIDIKAN YANG BERSEPADU

Malaysia mencatatkan kadar penduduk bekerja dengan tahap kemahiran mahir sebanyak 27.2%, berbanding dengan kadar penduduk bekerja yang separa mahir sebanyak 60.4% (**Rajah 6-4**). Selain dari kekurangan tenaga kerja mahir, terdapat juga isu ketidakseimbangan di antara permintaan dan penawaran guna tenaga dan pengangguran berterusan di kalangan belia dan graduan yang baru menamatkan pengajian.

Negara juga masih bergantung kepada pekerja asing terutamanya dalam sektor ekonomi seperti pembuatan, pembinaan dan perkhidmatan.


Sektor pembuatan merupakan sektor yang menggaji jumlah pekerja asing tertinggi pada kadar 35.4% daripada jumlah keseluruhan pekerja asing di Malaysia. Ini diikuti oleh sektor pembinaan dan sektor perkhidmatan, masing-masing pada kadar 21.5% dan 15.5%.

Negara memerlukan tenaga kerja terlatih dan memiliki kemahiran tinggi bagi memastikan ekonomi negara dapat terus bersaing dan memenuhi cabaran hingga ke peringkat antarabangsa.

Oleh itu, Kementerian Sumber Manusia komited untuk mencapai sasaran 35% pekerja berkemahiran tinggi dalam guna tenaga negara menjelang 2030.

Bagi mencapai hasrat ini, kerajaan telah memberi penekanan kepada pendidikan berdasarkan Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) bagi membangunkan dan melahirkan tenaga kerja mahir bertaraf dunia dengan potensi untuk mendorong pertumbuhan ekonomi Malaysia sehingga taraf negara berpendapatan tinggi.

Di bawah Teras Strategik Modal Insan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, kerajaan menyasarkan sekurang-kurangnya 60% lepasan SPM melanjutkan pelajaran dalam bidang Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dan seterusnya mencapai sasaran 35% pekerja berkemahiran tinggi di kalangan guna tenaga negara.



Rajah 6-4: Peratusan Penduduk Bekerja Mengikut Tahap Kemahiran, 2018

Sumber: Laporan Survei Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia, 2018

Bagi meningkatkan pembangunan tenaga kerja mahir dan separa mahir, institusi pendidikan yang sesuai perlu disediakan. Jalinan program pembelajaran dengan pihak industri dapat membantu dalam menggalakkan pemindahan teknologi dan pengetahuan bagi kedua-dua pihak, sekaligus memperkasakan masyarakat berpendidikan dan berkemahiran tinggi.

Kemahiran Malaysia atau lebih dikenali sebagai SkillsMalaysia 2.0 di bawah Kementerian Sumber Manusia telah diwujudkan sebagai platform meningkatkan kerjasama di antara semua kementerian dan agensi dengan pihak berkepentingan dalam memperkasakan bidang pendidikan berdasarkan kemahiran.

Setakat ini, Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) telah menjalinkan kerjasama rapat dengan syarikat antarabangsa yang beroperasi di Malaysia seperti Daikin Malaysia dan First Solar Malaysia bertujuan meningkatkan latihan dalam bidang teknikal bagi melahirkan lebih ramai tenaga mahir yang boleh berbakti di dalam negara.

TINDAKAN KI 2.2A

Membangunkan institusi pendidikan di lokasi yang dapat memberikan manfaat pembelajaran serta mewujudkan rantaian ekonomi setempat

Negara mempunyai kepelbagaiannya institusi pengajian tinggi yang meliputi institusi pengajian tinggi awam (IPTA), institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) bertaraf universiti, IPTS bertaraf kolej universiti, IPTS bertaraf kolej, institut kemahiran, politeknik dan kolej komuniti yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi setempat.

Menerusi tindakan ini, perancangan secara spatial akan mengintegrasikan institusi pendidikan sedia ada dengan potensi ekonomi setempat dan disesuaikan dengan peranan kawasan pertumbuhan melalui cadangan institusi pendidikan baru ataupun cadangan kursus pengajian yang bersesuaian.

Contohnya: menawarkan bidang berkaitan pengurusan padi atau rantaian aktiviti ekonomi yang bersesuaian di salah sebuah institusi pendidikan tinggi di negeri jelapang padi seperti negeri Kedah.

Sejajar dengan Dasar Automatif Negara, Pekan, Pahang dipilih sebagai pusat utama untuk pengeluaran automotif tempatan. Bagi meningkatkan status Pekan sebagai hab automotif perdana di rantau ini, DRB-Hicom telah menyediakan kolej automotif peringkat dunia. Mahasiswa berpeluang untuk melihat realiti industri, di samping dapat meningkatkan pelaburan ekonomi di kawasan setempat.

Sehubungan itu, terdapat beberapa langkah untuk memastikan tindakan ini dicapai secara saksama dalam pembangunan negara seperti berikut:-

1. Cadangan pembangunan institusi pendidikan pada masa hadapan perlu fokus kepada latihan kemahiran yang berasaskan kepada potensi setempat melalui penawaran kursus pengajian yang selaras dengan permintaan industri semasa atau bersesuaian dengan aktiviti ekonomi setempat.
2. Membangunkan pusat penyelidikan dan pembangunan (R&D) berkaitan dengan produk tempatan yang memberi kesan kepada rantaian aktiviti ekonomi setempat.
3. Mewujudkan kerjasama antara institusi pendidikan dan pemain industri menerusi tenaga pengajar, latihan kemahiran dan peluang pekerjaan.
4. Meningkatkan kolaborasi antara Kementerian Pengajian Tinggi dengan Kerajaan Negeri dan PBT untuk menyelaras keperluan tapak-tapak cadangan institusi pendidikan pada masa hadapan.

**AGENSI BERKEPENTINGAN****Agensi Utama**

- Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)
- Pihak Berkuasa Negeri
- Pihak Berkuasa Tempatan
- Pejabat Pembangunan Negeri

Agensi Sokongan

- Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KLPB)
- Jabatan Kerja Raya

TINDAKAN KI 2.2B

Menggalakkan amalan pembelajaran sepanjang hayat bagi meningkatkan kemahiran dan kompetensi tenaga kerja

Berdasarkan sistem pendidikan Malaysia, Pendidikan Sepanjang Hayat (PSH) telah menjadi tonggak ketiga untuk menggerakkan pembangunan modal insan di negara ini selepas sistem sekolah dan pendidikan tertiari.

Kerajaan mengutamakan agenda PSH bagi memastikan masyarakat mendapat peluang pendidikan merentasi peringkat umur, latar belakang pendidikan dan lokasi pembelajaran.

Dengan mewujudkan hab pendidikan mengikut potensi setempat sebagai lokasi PSH, ia dapat menarik lebih ramai lapisan masyarakat untuk meningkatkan kemahiran ke arah peningkatan kompetensi tenaga kerja.

Universiti Malaysia Pahang (UMP) di Gambang, Pahang telah memulakan langkah pembudayaan dan pemerkasaan PSH melalui penawaran program berdasarkan kawasan perindustrian setempat untuk melatih pelajar dalam bidang kejuruteraan.

Berdasarkan pembentangan Belanjawan 2021, kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM1 bilion untuk 200 ribu orang pelatih merangkumi program peningkatan kemahiran dan latihan semula atau '*reskilling and upskilling*'. Ianya akan dilaksanakan dengan tumpuan kepada kebolehpasaran pekerja dan padanan pekerjaan untuk semua golongan belia terutama anak-anak muda, ibu tunggal dan penganggur seluruh negara.

FAKTA RINGKAS

Definisi Pendidikan Sepanjang Hayat (PSH)

Pembelajaran yang disertai oleh mereka yang berumur 15 hingga 64 tahun ke atas kecuali pelajar profesional.

Sumber: Pelan Induk Pembudayaan PSH Peringkat Nasional 2011 - 2020

Oleh itu, cadangan langkah pelaksanaan yang bersesuaian adalah seperti berikut:

1. Menggalakkan promosi penawaran Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) kepada masyarakat setempat.
2. Membangunkan pelbagai elemen prasarana pendidikan sebagai sokongan agenda Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH).
3. Membangunkan kemudahan Pendidikan Agama dan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) yang dilengkapi dengan kemudahan sokongan.
4. Mengenal pasti pendidikan yang bersesuaian mengikut keperluan golongan sasaran dan sejarar dengan trend semasa.
5. Mewujudkan hubungan strategik antara agensi PSH supaya perkongsian kemudahan infrastruktur, program dan kepakaran dapat dimanfaatkan bersama.

AGENSI BERKEPENTINGAN

Agensi Utama

- Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)
- Kementerian Sumber Manusia (MOHR)
- Jabatan Kebajikan Masyarakat

Agensi Sokongan

- Pihak Berkuasa Negeri
- Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran
- Pembangunan Sumber Manusia Berhad